PERATURAN PERTANDINGAN
SUKAN PANTAI MASUM 2026
SEPAKTAKRAW PANTAI

1. PERATURAN PERTANDINGAN

Mengikut Undang-Undang dan Peraturan Am Sukan MASUM yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Induk, Pengelola serta Teknikal & Petandingan ini.

2. UNDANG-UNDANG PERMAINAN

2.1 Undang-Undang dan Peraturan Pertandingan adalah tertakluk kepada:

2.1.1 Undang-Undang Permainan Gabungan Persatuan Sepak Takraw Antarabangsa (ISTAF) dan badan yang menerajui sukan sepaktakraw Malaysia yang berkuatkuasa ketika ini.

2.1.2 Peraturan Am dan Undang-Undang permainan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Induk, Pengelola serta Teknikal & Pertandingan

3. PENDAFTARAN/PEMBENTUKAN PASUKAN

3.1 Tiap-tiap pasukan hendaklah mendaftarkan nama pegawai dan pemain masing-masing dengan mengisi Borang Pendaftaran Pasukan.

3.2 Bilangan Pegawai dan Pemain bagi setiap adalah seperti berikut:

3.2.1 6 orang permain
3.2.2 1 orang pegawai

4. PASUKAN & MASA BERMAIN

4.1 Sistem kiraan 15 mata dengan servis satu (1) kali secara bergilir akan digunakan pada kejohanan ini mengikut format terkini ISTAF.

4.2 Semua perlawanan dimulakan mengikut masa dan jadual pertandingan yang telah ditetapkan.

5. PAKAIAN

5.1 Semua pemain hendaklah berpakaian (berjersi) seragam.

5.2 Semua pakaian pemain hendaklah bernombor dibahagian depan dan belakang. Setiap pemain hendaklah memakai nombor jersi (dari 1 hingga 36) yang sama untuk keseluruhan kejohanan.

5.3 Nombor hendaklah berukuran 19 cm tinggi di bahagian belakang dan berukuran tidak kurang 10 cm di bahagian depan (bahagian tengah dada).

5.4 **Ketua regu** mestilah dilantik dalam setiap regu semasa permainan dan dikehendaki memakai **'Arm Band'** di lengan kiri.

5.5 **Pemain tidak dibenarkan memakai kasut sepanjang kejohanan berlangsung.**

6. PERALATAN

Rujuk Jawatankuasa Teknikal.

7. PERATURAN PERTANDINGAN

Sila rujuk Peraturan AM Sukan MASUM.

8. SISTEM PERTANDINGAN

8.1 Pembahagian mata bagi pusingan pertama.

8.1.1	Menang	**3 mata**
8.1.2	Kalah	**0 mata**

8.2 Sekiranya selesai semua perlawanan dalam sesuatu KUMPULAN, kiraan MATA diperolehi sama oleh DUA PASUKAN atau lebih, maka kemenangan akan ditentukan dengan cara turutan peraturan berikut:

8.2.1 Kiraan Perbezaan **JUMLAH MATA** yang di perolehi.

8.2.2 Kiraan perbezaan **JUMLAH SET** daripada jumlah set menang dengan set kalah yang diperolehi oleh pasukan berkenaan.

8.2.3 Kiraan perbezaan **JUMLAH SKOR** iaitu perbezaan jumlah skor yang diperolehi dengan jumlah skor yang kena oleh pasukan berkenaan.

8.2.4 Sekiranya dengan kaedah-kaedah di atas terdapat sama juga oleh **2 pasukan** sahaja, maka pasukan yang telah mengalahkan lawannya akan dikira menang.

8.2.5 Jika **3 pasukan atau lebih** yang terlibat, maka keputusan muktamad akan ditentukan dengan perlawanan semula liga satu pusingan kiraan 15 mata sahaja. Undian akan dibuat bagi menentukan pelawanan.

8.3 Pusingan Kedua hingga tamat kejohanan.

8.3.1 Undian akan dijalankan bagi pasukan yang layak.

8.3.2 Pemenang di pusingan kedua layak ke suku akhir.

8.3.3 Pemenang di suku akhir layak ke separuh akhir.

8.3.4 Pemenang di separuh akhir layak ke perlawanan akhir.

8.3.5 Pasukan kalah di separuh akhir akan bertemu penentuan tempat ketiga dan keempat.

8.4 Pembahagian kumpulan atau undian tertakluk kepada keputusan Jawatankuasa Pengelola.

9. KELEWATAN DAN KETIDAKHADIRAN

9.1 Semua REGU mestilah berada 30 minit sebelum perlawanan dijadualkan bermula. Jika mana-mana REGU tidak melaporkan diri 15 minit selepas waktu yang dijadualkan tanpa sebab yang munasabah akan dianggap memberi kemenangan tanpa bertanding. Maka REGU berkenaan tidak layak meneruskan perlawanan dan dianggap menarik diri.

9.2 Keputusan-keputusan pertandingan yang terdahulu (sistem liga sahaja) tidak diambil kira bagi pasukan yang menarik diri atau memberi kemenangan percuma kepada lawannya.

9.3 Pihak lawan yang berada di gelanggang akan diberikan kemenangan percuma dengan pemberian **3 MATA** dan kiraan mata **15-0, 15-0, 15-0.**

9.4 Jika didapati sesuatu regu dengan sengaja menarik diri/memberikan kemenangan percuma, maka REGU berkenaan akan diambil tindakan tatatertib oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Sukan Pantai Badan Berkanun Malaysia.

10. PENGGANTIAN / PERTUKARAN PEMAIN

10.1 Setiap regu dibenarkan membuat **DUA** kali pertukaran bagi setiap set.
10.2 Pertukaran pemain dibenarkan pada bila-bila masa dengan permintaan jurulatih pasukan kepada pengadil semasa bola tidak di dalam permainan.
10.3 Setiap regu dibenarkan membuat pertukaran atas sebab kecederaan sekiranya pertukaran pemain belum dilakukan di dalam set tersebut. Jika kuota pertukaran telah diambil, maka perlawanan dihentikan dan regu ini dianggap kalah.
10.4 Mana-mana regu yang mempunyai kurang dari 4 pemain tidak dibenarkan meneruskan perlawanan dan dianggap kalah.

11. 'TIME OUT'

11.1 Setiap jurulatih pasukan berhak memohon sekali 'time out' sahaja setiap set perlawanan.
11.2 'Time out' dibenarkan bila-bila masa dengan permintaan jurulatih pasukan kepada pengadil semasa bola tidak di dalam permainan.

12. PENGGANTUNGAN

12.1 Mana-mana pemain yang telah dikeluarkan daripada gelanggang oleh pengadil bertugas, maka dengan serta-merta digantung bermain SATU PERLAWANAN BERIKUTNYA sehingga Jawatankuasa Tatatertib membuat keputusan.

13. PENGADIL / PENJAGA GARISAN

13.1 Semua perlawanan akan diadili oleh pengadil-pengadil yang dilantik khas oleh pihak pengelola.
13.2 Kejohanan ini menggunakan Pemmbantu Pengadil bermula dari pusingan awal sehinggaa tamat kejohanan.
13.3 Segala keputusan yang telah dibuat oleeh pengadil yang bertugas atau penjaga garisan berkaitan dengan undang—undang permainan adalah **MUKTAMAD**.
13.4 Ketua Pengadil/ Pengadil Rasmi mempunyai kuasa penuh / kuasa mutlak untuk membuat keputusan atas sebarang permasalahan atau pertikaian mengenai undang-undang, peraturan dan keputusan permainan sepanjang kejohanan berlangsung.

14. BANTAHAN / RAYUAN

Mengikut Peraturan AM Sukan MASUM.

15. PERKARA-PERKARA LAIN YANG TIDAK DINYATAKAN

Sila rujuk Peraturan AM Sukan MASUM.

16. AM

16.1 Semua keputusan yang telah dibuat oleh Jawatankuasa Pengelola adalah **MUKTAMAD.**